



KENYATAAN MEDIA
TIMBALAN MENTERI 2 PEMBANGUNAN LUAR BANDAR
27 FEBRUARI 2021

Kementerian Pembangunan Luar Bandar telah membelanjakan sejumlah RM 10 juta pada tahun 2020 untuk membangunkan kawasan-kawasan di Lawas, Sarawak. Lawas merupakan daerah yang terletak di utara Sarawak serta merupakan sebuah kawasan yang dikategorikan sebagai luar bandar.

Peruntukan RM 10 juta ini adalah merangkumi projek-projek penyediaan infrastruktur kepada rakyat seperti Jalan Perhubungan Desa, Lampu Jalan Kampung, Projek Ameniti Sosial (Baik Pulih Jambatan dan Kemudahan Asas Luar Bandar) Projek Perumahan Rakyat Termiskin, Program Desa Lestari dan Program Peningkatan Pendapatan untuk usahawan dan penduduk di luar bandar.

Senarai pecahan projek beserta peruntukan yang telah dibelanjakan adalah seperti berikut :

Bil.	Nama Projek	Jumlah Unit	Anggaran Peruntukan (RM)
1.	Jalan Perhubungan Desa	6 JPD	1,590,000.00

Bil.	Nama Projek	Jumlah Unit	Anggaran Peruntukan (RM)
2.	Program Ameniti Sosial (PAMS)	6 PAMS	1,030,000.00
3.	Program Perumahan Rakyat Termisikin (Bina Baru)	40 unit x RM 60,000.00 (seunit)	2,400,000.00
4.	Program Perumahan Rakyat Termiskin (Baik Pulih)	200 unit x RM 15,000.00 (seunit)	3,000,000.00
5.	Lampu Jalan Kampung	120 unit x RM 2500.00	300,000.00
6.	Program Peningkatan Pendapatan (Projek Bantuan Enjit Bot dan Ekonomi Setempat)	50 orang x RM 10,000.00	500,000.00
7.	Bantuan Rumah Salai Usahawan Ikan Tahai (Kampung Awat-Awat)	4 unit x RM 50,000.00	200,000.00
8.	Program Desa Lestari (Kampung Punang)	1 Pakej	1,000,000.00
JUMLAH PERUNTUKAN			10,020,000.00

Pada tahun 2021, KPLB telah diperuntukkan sejumlah RM 6.65bilion bagi peruntukan pembangunan meliputi KPLB dan Agensi. Peruntukan ini meningkat daripada tahun 2020 iaitu sebanyak RM 6.24bilion. Penambahan sebanyak RM 410juta (6.5%)

KPLB akan memastikan setiap perancangan projek terutama di luar bandar yang dilaksanakan dapat memberikan impak menyeluruh kepada rakyat sewaktu pandemik Covid-19 melanda. Projek yang dilaksanakan akan meningkatkan taraf ekonomi penduduk di luar bandar, menawarkan peluang pekerjaan serta memastikan ekonomi setempat berkembang.

Projek-projek ini perlu dijalankan kembali untuk meransang ekonomi negara serta memastikan kitaran ekonomi pelbagai sektor dapat dirancakkan yang seterusnya mampu menjana pertumbuhan untuk negara.

- Tamat -

YB Dato' Henry Sum Agong

Timbalan Menteri 2, Pembangunan Luar Bandar

Lawas, Sarawak

27.02.2021

Dikeluarkan Oleh :

Unit Komunikasi Korporat

Kementerian Pembangunan Luar Bandar